MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 3
TAHUN 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian*: **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.**

2. **Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian: **Bahagian A(i)** *dan* **Bahagian A(ii).** *Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut.* **Bahagian B** *dan* **Bahagian D** *juga mesti dijawab. Manakala* **Bahagian C** *mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*

3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab* **Bahagian A**, *25 minit untuk* **Bahagian B**, *45 minit untuk* **Bahagian C** *dan 10 minit untuk* **Bahagian D**.

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

(Lihat halaman sebelah)

http://www.andrewchoo.edu.my

Bahagian A(i): Ringkasan
(20 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **keperluan menyertai aktiviti rekreasi**. *Panjang ringkasan anda hendaklah* **tidak melebihi 80 patah perkataan**. *Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Aktiviti rekreasi seperti berkhemah, *jungle trekking* dan lain-lain lagi memang terbuka kepada sesiapa yang berminat untuk menyertainya. Namun, minat sahaja tidak memadai untuk membolehkan anda menikmati aktiviti ini sepenuhnya tanpa ilmu yang mencukupi. Beberapa keperluan diri yang asas amat mempengaruhi aktiviti rekreasi ini. Mungkin ada yang beranggapan bahawa sihat tubuh badan sudah terjamin untuk membolehkan mereka menyertai aktiviti rekreasi. Namun hakikatnya, badan mudah mendapat sakit jika tidak dilatih menjadi lasak. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti rekreasi mampu membina kekuatan mental dan ketahan fizikal diri pesertanya.

Antara yang penting dalam melakukan aktiviti rekreasi termasuklah bergerak secara berkumpulan. Melalui cara ini, ahli dalam pasukan perlu saling membantu terutamanya pada saat-saat genting yang melibatkan keselamatan. Oleh sebab itu, aktiviti rekreasi tidak mungkin dilakukan oleh seseorang secara sendirian. Jika adapun seseorang yang menjalankan aktiviti tersebut sendirian, dia seolah-olah *menempah maut*. Dalam hal ini, para peserta aktiviti rekreasi sudah pasti teruji kesabaran dan ketabahan mereka dalam menghadapi sesuatu rintangan di dalam hutan. Melalui semangat berpasukan, mereka akan dapat mengatasi segala rintangan tersebut dengan baik. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti ini mampu mengikis sikap mementingkan diri setiap peserta.

Selain itu, penyertaan dalam aktiviti rekreasi membolehkan para peserta memperoleh pengetahuan dan pengalaman dalam menyediakan peralatan yang diperlukan. Hal ini demikian kerana peralatan yang disediakan perlulah benar-benar menepati kehendak aktiviti rekreasi yang bakal disertai. Ketelitian dalam penyediaan peralatan tersebut adalah penting bagi melicinkan perjalanan mereka semasa berekreasi.

Kebiasaannya, sebelum menjalani aktiviti rekreasi, para peserta perlu berbincang dan melakukan pembahagian tugas. Hal ini menunjukkan bahawa perancangan yang teliti amat diperlukan dalam menjalankan aktiviti ini supaya segala-galanya berjalan lancar. Secara tidak langsung, sifat-sifat kepemimpinan dapat dicungkil atau diserlahkan dalam kalangan peserta itu. Malah, semasa melakukan aktiviti rekreasi, para peserta perlu mematuhi aturan yang telah ditetapkan oleh ketua yang dilantik. Hal ini memerlukan disiplin yang tinggi dalam diri setiap peserta.

Dalam pada itu, peserta rekreasi dibiasakan menghadapi cabaran di dalam hutan dan sebagainya. Kebiasaan ini diibaratkan suatu latihan agar mereka dapat menghadapi apa-apa masalah dalam kehidupan seharian dengan mudah.

(Dipetik dan diubah suai daripada Aktiviti
Rekreasi Membawa Perubahan, Harian Metro,Ogos 2008)

http://www.andrewchoo.edu.my

Bahagian A(ii): Pemahaman
(10 markah)

Berdasarkan petikan **Bahagian A(i),** *jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

1. Apakah maksud rangkai kata *menempah maut?*

(2 markah)

2. Nyatakan dua kriteria yang perlu ada dalam diri individu yang ingin menyertai aktiviti rekreasi pada pandangan penulis.

(4 markah)

3. Beri dua cara pada pendapat anda, untuk menggalakkan para belia meminati aktiviti rekreasi.

(4 markah)

http://www.andrewchoo.edu.my

BAHAGIAN B

(20 *markah*)

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **kepentingan memelihara tempat-tempat bersejarah di Malaysia**. *Panjang huraian anda hendaklah* **tidak melebihi 120 patah perkataan.**



Kepentingan memelihara tempat-tempat bersejarah di Malaysia

- mengenang sejarah negara
- menjadi daya tarikan pelancong
- memupuk semangat patriotik
- mengekalkan nilai seni dan budaya bangsa

http://www.andrewchoo.edu.my

BAHAGIAN C
(40 *markah*)

Pilih **satu** *daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya* **lebih daripada 180 patah perkataan.**

1. Sekolah anda telah menjayakan Program Minggu Bahasa Melayu anjuran Panitia dan Persatuan Bahasa Melayu. Pelbagai aktiviti telah dijalankan.
   Tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk menceritakan Program Minggu Bahasa Melayu tersebut.

2. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan pilihan kerjaya anak-anak.
   Beri pendapat anda.

3. Baru-baru ini tempat tinggal anda telah dilanda banjir kilat.
   Tulis pengalaman anda semasa membantu mangsa-mangsa banjir kilat tersebut.

4. Tulis sebuah rencana yang bertajuk, 'Usaha-usaha untuk meningkatkan mutu sukan di negara kita'.

5. Peribahasa, 'buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali' selalu dinasihati orang-orang tua dahulu agar kita berhati-hati dalam pergaulan.
   Tulis sebuah karangan berdasarkan peribahasa tersebut.

http://www.andrewchoo.edu.my

BAHAGIAN D
(10 *markah*)

Jawapan anda mestilah berdasarkan **satu** *daripada novel yang telah anda kaji sama ada di Tingkatan 1 atau Tingkatan 2*

Anak Din Biola karya Maaruf Mahmud
Meniti Kaca karya R. Sabarudin Abdullah
Aku Anak Timur karya Siti Aminah Hj. Yusuf
Limpahan Darah di Sungai Semur karya Zakaria Salleh
Tragedi Empat Disember karya Dzulkarnain Ithnain
Pahlawan Pasir Salak karya Mohd Ismail Sarbini
Kapten Hassan Wir Bangsa karya Harun Johari
Timulak Kapal Perang karya Azmah Nordin

Kita seharusnya mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam melakukan pekerjaan.

Berdasarkan pengajaran di atas, huraikan **tiga contoh peristiwa** bagi novel yang telah anda kaji sama ada di Tingkatan 1 **atau** di Tingkatan 2.

KERTAS SOALAN TAMAT

http://www.andrewchoo.edu.my

SULIT

Bahasa

Melayu

Kertas 1 & 2

0gos

2011

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA

CAWANGAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN TIGA

TAHUN 2011

SKEMA PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 1

&

Kertas 2

SULIT

http://www.andrewchoo.edu.my

Markah penuh kertas 2 : 100 markah

Bahagian A(i) : 20 markah
Bahagian A(ii) : 10 markah
Bahagian B : 20 markah
Bahagian C : 40 markah
Bahagian D : 10 markah

Bahagian A (i) : 20 markah

1. Perkara yang perlu diberi perhatian semasa membaca jawapan calon:
   (a) Bahasa dinilai secara tanggapan (impression)
   (b) Pemeriksa dikehendaki menandakan kesalahan bahasa sebagaimana penandaan karangan.
   (c) Kemudian, peringkatkan markah calon berdasarkan criteria di bawah:

Bahasa (10 markah)

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang (A)	9 – 10	- Bahasa baik dan lancar - Berupaya menggunakan ayat sendiri : pemilihan kata yang tepat : ayat yang gramatis : penanda wacana yang sesuai - Ejaan dan tanda baca betul
Baik (B)	6 – 8	- Bahasa baik dan lancar - Masih berupaya menggunakan ayat sendiri : pemilihan kata agak terhad : ayat yang masih gramatis : penanda wacana masih sesuai - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan (C)	3 – 5	- Bahasa kurang lancar - Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca ATAU - Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih
Penguasaan Minimum (D)	1 – 2	- Keseluruhan jawapan menggambarkan penguasaan bahasa yang lemah - Menyalin secara terus/bulat-bulat daripada petikan

Markah Isi (10 markah)

Bilangan Isi	5	4	3	2	1
Markah	9 -10	7 – 8	5 – 6	3 – 4	1 - 2

http://www.andrewchoo.edu.my

Cara penandaan dan pemberian markah:

1. Pemeriksa dikehendaki menanda (/) apabila terjumpa isi.
2. Baca dan periksa setakat 80 patah perkataan sahaja atau sehingga ayat itu berakhir.
3. Periksa seperti biasa jika calon memerenggankan jawapan.
4. Jika isi kurang, nilai bahasa seperti biasa – markah bahasa boleh mengatasi markah isi.
5. Jika jawapan murid dalam bentuk **catatan** (poin), markah isi penuh tetapi **markah bahasa maksimum 6.**
6. Jika murid menyalin **isi secara terpilih** daripada petikan tanpa mengubah mana-mana perkataan, markah isi penuh tetapi **markah bahasa maksimum 5.**
7. Jika isi disalin **secara terpilih dan diringkaskan** dalam bentuk poin, markah isi seperti biasa, manakala **markah bahasa maksimum 4.**
8. Murid menyalin **bulat-bulat** petikan secara keseluruhan, **markah isi ditolak 50% dan markah bahasa maksimum 2.**
9. Periksa dan tanda jawapan murid seperti karangan bahagian C tetapi tiada potongan markah bagi kesalahan ejaan.

Maksud menyalin petikan

1. Murid menyalin keseluruhan daripada mana-mana perenggan ATAU
2. Murid menyalin keseluruhan petikan yang diberi

Isi cadangan:

1. Aktiviti rekreasi mampu membina kekuatan mental dan fizikal diri pesertanya.
2. Peserta aktiviti rekreasi akan bergerak secara berkumpulan
3. Para peserta aktiviti sudah pasti teruji ketabahan dan kesabaran mereka dalam menghadapi sesuatu rintangan di dalam hutan.
4. Aktiviti ini mampu mengikis sikap mementingkan diri setiap peserta rekreasi.
5. Para peserta memperoleh pengetahuan dan pengalaman dalam menyediakan peralatan rekreasi yang diperlukan.
6. Peserta terbabit menjadi seorang yang teliti bagi melicinkan perjalanan aktiviti.
7. Sifat-sifat kepemimpinan dapat dicungkil atau diserlahkan dalam kalangan peserta itu.
8. Peserta turut dilatih supaya berdisiplin tinggi sepanjang mengikuti program tersebut.
9. Peserta dilatih menghadapi apa-apa masalah dalam kehidupan seharian dengan mudah.

Bahagian A(ii) : Soalan Pemahaman

Soalan 1 : Maksud rangkai kata (2 markah)

Markah	Deskripsi
2 markah	Maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 markah	Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap Maksud kurang tepat mengikut konteks Hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata
0 markah	Lebih satu maksud tetapi salah satu tidak tepat

Cadangan jawapan:

Soalan 1(2m)

Maksud rangkai kata **menempah maut** adalah mengundang / sengaja mencari kematian

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 2 : Soalan pemahaman berdasarkan petikan (4 markah)

Masalah	Deskripsi
4 markah	-Isi dinyatakan dengan cukup lengkap dan ayat gramatis
3 markah	-Isi cukup serta lengkap mengikut tugasan tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	-Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugasan tetapi ayat gramatis
1 markah	-Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugasan serta ayat kurang Gramatis
0 markah	-Isi tidak mengikut tugasan tetapi ayat gramatis -Isi tidak mengikut tugasan dan ayat tidak gramatis

Cadangan jawapan:

Soalan 2 (4 markah)

...mempunyai minat dan ilmu yang mencukupi – 2 markah

...memiliki tubuh badan yang sihat dan tahan lasak – 2 markah

Soalan 3 : Soalan pemahaman Kemahiran Berfikir (4 markah)

Markah	Deskripsi
4 markah	-Isi relevan mengikut tugasan dan ayat gramatis
3 markah	-Isi relevan mengikut tugasan tetapi ayat kurang gramatis
2 marrkah	-Isi kurang relevan mengikut tugasan tetapi ayat gramatis
1 markah	-Isi kurang releven mengikut tugasan dan ayat kurang gramats
0 markah	-Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis -Isi tidak tepat dan ayat tida gramatis

Cadangan jawapan:

Soalan 3 (4 markah)

...peranan ibu bapa memberi perbelanjaan yang secukupnya kepada anak-anak yang ingin menyertai akativiti rekreasi.
...peranan guru memberi bimbingan yang sepatutnya
...peranan masyarakat memberi sokongan yang sewajarnya
...peranan negara memberi bantuan yang meluas

(pilih mana-mana 2 jawapan / terima mana-mana jawapan lain yang relevan)
#Jika murid mengambil isi daripada petikan (0 markah)

http://www.andrewchoo.edu.my

Bahagian B : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (20 markah)

1. Periksa sehingga 120 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir.
2. Isi sekurang-kurangnya 3.
3. Jika murid menggunakan semua isi dalam rajah – peringkatkan cemerlang.
4. Jika murid menggunakan 2 isi daripada rajah – peringkatkan baik.
5. Jika murid tidak menggunakan isi daripada rajah – peringkatkan memuaskan.
6. Isi luaran yang relevan dengan tugasan- diterima

Kriteria Penskoran

PERINGKAT	DESKRIPSI
Cemerlang (A) 16 – 20	- Penggunaan kata dan ayat yang gramatis -Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat -Ejaan dan tanda baca yang betul -Terdapat kesalahan yang minimum dalam penggunaan kata -Idea yang releven berdasarkan tugasan -Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai dan berkembang. -Pengolahan menarik dan berkesan
Baik (B) 11 – 15	-Penggunaan kata dan ayat masih gramatis -Penggunaan kosa kata yang tepat -Terdapat kesalahan yang ejaan dan tanda baca yang minimum -Idea masih releven berdasarkan tugasan -Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan kurang dikembangkan -Pengolahn menarik
Memuaskan (C) 6 – 10	-Penggunaan kata dan ayat kurang gramatis -Penggunaan kosa kata yang terhad -Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara -Idea kurang releven berdasarkan tugasan -Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan yang terhad -Pengolahan tidak menarik
Penguasaan Minimum (D) 1 – 5	-Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap -Idea kabur / tidak berkaitan dengan tugasan

 # Markah tidak ditolak untuk kesalahan ejaan

http://www.andrewchoo.edu.my

Bahagian C : Karangan Respon Terbuka (40 markah)

Peringkat	Cemerlang	Kepujian	Baik	Memuaskan	Minimum
Markah	33 – 40	25 – 32	17 -24	9 – 16	1 – 8

KRITERIA MENILAI KARANGAN MURID:

Peringkat / Markah	Deskripsi
Cemerlang (A) **33 – 40** **(37 – 40)** **(33 - 36)**	-Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat -Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan penanda wacana yang betul dan tepat - Ejaan dan tanda baca yang betul - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Idea yang releven dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai - Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerengganan yang sesuai dan format menepati kehendak tugasan - Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik
Kepujian (B) **25 – 32** **(29 – 32)** **(25 – 28)**	- Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat - Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan penanda wacana yang sesuai pada keseluruhannya - Ejaan dan tanda baca yang betul -Penggunaan kosa kata luas - Idea yang releven dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh - Pengolahan menarik dengan pemerengganan yang sesuai dan format menepati kehendak tugasan - Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik
Baik (C) **17 – 24** **(21 – 24)** **(17 – 20)**	- Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - Penggunaan ayat majmuk gabungan yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan penanda wacana yang masih sesuai - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum - Penggunaan kosa kata umum tetapiterdapatkesalahan yang minimum - Idea masih releven dengan huraian yang masih jelas - Pengolahan masih menarik dengan pemerengganan dan format yang masih sesuai mengikut tugasan
Memuaskan (D) **09 – 16** **(13 – 16)** **(09 – 12)**	-Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad -Penggunaan ayat yang mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum -Penggunaan penanda wacana yang kurang tepat -Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara -Idea masih releven / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas -Pengolahan kurang menarik, dengan pemerengganan yang kurang sesuai dan format yang kurang tepat / format bercampur aduk

http://www.andrewchoo.edu.my

Penguasaan Minimum (E) **01 – 08** **(05 – 08)** **(01 – 04)**	-Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap

Langkah-langkah memeriksa

1. Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (impression) daripadanya. Kemudian, menilai dan menganggarkan peringkat karangan berkenaan sama ada dapat dimasukkan ke peringkat A, B, C, D atau E. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah **bahasa, isi dan penyampaian.**
Isi : Dikehendaki minimum tiga (3) isi.

2. Tetapkan peringkat karangan itu ke dalam satu daripada peringkat di bawah:
(a) Karangan yang kurang daripada 180 perkataan.
Bagi karangan yang jumlah perkataan kurang daripada 180 perkataan, hendaklah diperingkatkan karangan itu seperti di bawah sekiranya isi, bahasa dan pengolahan adalah baik.

3. Bagi setiap kesalahan ejaan tolak ½ markah, maksimum 2 markah

Jika karangan berformat, tidak menepati format – **tidak ada penolakan markah**, tetapi **'impression'** pemeriksa menurun

http://www.andrewchoo.edu.my

Bahagian D : Novel (10 markah)

Perhatian bagi Bahagian D:

1. Jawapan berdasarkan novel-novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang gramatis
3. Berikan **2 markah** bagi setiap satu peristiwa yang betul.
4. Markah maksimum bagi isi **6 markah**.
5. Markah maksimum bagi bahasa **4 markah**
6. Markah bahasa diberi secara tanggapan (impression)
7. Markah maksimum **10 markah**

Cadangan Jawapan

Bahagian D : Novel
Panduan Isi Jawapan

BIL	NOVEL	CONTOH PERISTIWA
1	Anak Din Biola	1. Budiman bertanggungjawab untuk memenuhi wasiat arwah ayahnya untuk menjadi penggesek biola yang terkenal. 2. Budiman bertanggungjawab untuk melaporkan kegiatan jahat Pak Mat Tukang Masak sehingga ditangkap polis. 3. Chong dan Chandra bertanggungjawab untuk membantu Budiman membeli biola dengan bekerja sambilan selepas waktu persekolahan. 4. Pak Wan Busu dan Cikgu Datin Siti Norbayu bertanggungjawab mengajar Budiman menggesek biola sehingga berjaya menjadi Bintang Biola Remaja Kota Raya.
2	Tragedi Empat Disember	1. Kamarul Azam bertanggungjawab untuk menjalani Ujian Kelas Pertama dalam aktiviti perkhemahan bersama-sama ahli pengakap dan pandu puteri sekolahnya walaupun tanpa guru. 2. Kamarul Azam bertanggungjawab untuk mendapatkan tandatangan ketua polis balai Tanjung Pangku. 3. DSP Yazid bertanggungjawab dengan berusaha mendapatkan berita tentang tragedi rampasan kapal terbang. 4. Antik bertanggungjawab membantu Kamarul Azam pulang ke Malaysia untuk menghadiri upacara pengebumian ayahnya dan mangsa tragedi rampasan kapal terbang.

 # Isi lain yang relevan diterima

http://www.andrewchoo.edu.my